

04 FEB 1999

HUN SEN UCAP TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja Hun Sen mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan kerajaan Malaysia kerana sokongan mereka dalam membantu Kemboja mencapai aspirasinya.

Beliau berkata bantuan Malaysia bersama-sama dengan bantuan daripada masyarakat antarabangsa, telah menyumbang kepada usaha-usaha rakyat dan kerajaan Kemboja ke arah mencapai objektif itu.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana sokongan daripada rakyat dan kerajaan Malaysia, dan juga daripada Perdana Menteri Dr Mahathir sendiri," katanya dalam ucapan pada jamuan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana di sini.

Hun Sen berharap lawatan itu akan menghasilkan keputusan yang diharapkan dalam mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Pemimpin Kemboja itu, yang tiba di sini hari ini atas jemputan Dr Mahathir, sedang dalam lawatan rasmi tiga hari untuk meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

-- BERNAMA

NM AKD